

24 MAR 1996

PDS-Kongres

PDS MAHU ALTERNATIF LAIN GANTI PENGGILIRAN JAWATAN KETUA MENTERI

KUNDASANG, 24 Mac (Bernama) -- Parti Demokratik Sabah (PDS) hari ini meminta agar satu alternatif lain dicari jika cadangan penggiliran jawatan Ketua Menteri Sabah tidak dapat diteruskan.

Resolusi berhubung perkara itu diluluskan pada kongres kedua parti itu di Dewan Kinabalu, Taman Negara di sini yang dirasmikan oleh presidennya Datuk Bernard Dompok.

Dalam ketetapan itu PDS, satu daripada lapan parti komponen Barisan Nasional (BN) di Sabah, mahu setiap jawatan dan peluang diagih secara adil antara rakyat berbilang kaum di negeri ini.

Parti itu mahu formula 4:4:2 dilaksanakan terhadap kuota bagi semua peluang termasuk biasiswa, seperti yang dicadangkan oleh kerajaan.

Formula itu merupakan prinsip pengagihan jawatan dan peluang dalam bidang lain yang menekan kuota 40 peratus masing-masing untuk Masyarakat Bumiputera Islam dan Bumiputera Bukan Islam dan 20 peratus untuk masyarakat bukan bumiputera.

Resolusi itu juga menyerahkan isu penggiliran jawatan Ketua Menteri kepada Pengerusi BN Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad untuk membuat keputusan muktamad.

Pada pilihan raya umum negeri 1994, Dr Mahathir mencadangkan agar jawatan Ketua Menteri digilir-gilirkan di kalangan pemimpin politik tiga kaum utama di negeri ini setiap dua tahun sekali.

Mahathir menangguhkan keputusan melaksana penggiliran jawatan itu yang dua tahun pertamanya tamat 17 Mac lepas, sementara pindaan terhadap Perlembagaan Sabah dilakukan bagi mengurangkan kuasa Ketua Menteri.

Kongres itu juga bersetuju atas cadangan meminda Perlembagaan Negeri dan undang-undang berkaitan untuk mengurangkan kuasa ketua Menteri Sabah dan mengemaskan lagi sistem pentadbiran kerajaan negeri.

Para perwakilan yang membahaskan usul itu mahu cadangan pindaan dilaksanakan tanpa menghapus kedudukan istimewa negeri Sabah dan Sarawak dalam persekutuan Malaysia. -- Bernama.

NT WAT AHH